

MAHATHIR - MOTOSIKAL  
(1)

1980

88

KUALA LUMPUR, 27 MEI (BERNAMA)—SEMUA MOTOSIKAL YANG DIPASANG DI NEGARA INI DIKEHENDAKI MENGGUNAKAN SEHINGGA 60 PERATUS BAHAN BUATAN TEMPATAN MENJELANG TAHUN 1985 DI BAWAH DASAR PENGGUNAAN BARANGAN TEMPATAN (LCP) YANG AKAN DILAKSANAKAN DALAM EMPAT PERINGKAT MELAKSANAKAN DEPAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI, DALAM PERINGKAT PERTAMA DASAR ITU YANG AKAN DILAKSANAKAN DARI 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBAR 1981, MOTOSIKAL—MOTOSIKAL YANG DIPASANG DI DALAM NEGERI HENDAKLAH MENGGUNAKAN 15 PERATUS BARANG TEMPATAN DARI SEGI NILAI.

DALAM PERINGKAT KEDUA (1982 HINGGA 1983) PENGGUNAAN HENDAKLAH SEBANYAK 30 PERATUS DARI SEGI NILAI, PERINGKAT KETIGA (1984) 45 PERATUS DAN PERINGKAT KEEMPAT (1985), 60 PERATUS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI, DASAR TERSEBUT BUAT MASA INI HANYA TERPAKAI KEPADA PERUSAHAAN KENDERAAN DUA RODA, TIDAK TERMASUK PERUSAHAAN SKUTER.

KATANYA, PERUSAHAAN SKUTER YANG HANYA MENGUASAI SEBAHAGIAN KECIL SAHAJA PASARAN NEGARA INI DIKECUALIKAN DARI DASAR TERSEBUT.

+SAGAIMANAPUN, PIHAK PEMASANG SKUTER AKAN DIBERIKAN PILIHAN UNTUK MERANGKA DASAR YANG BERASINGAN, + TAMBAH BELIAU.

—BERSAMBUNG 1714/AH

MAHATHIR - MOTOSIKAL 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, KERAJAAN BERPENDAPAT ADALAH TEPAT DARI SEGI EKSPORT KENDERAAN DASAR ITU BERIKUTAN KAJIAN YANG MENYELURUH TERHADAP PERUSAHAAN KENDERAAN EMPAT RODA MENGGUNAKAN MOTOR DAN PERUSAHAAN KENDERAAN DUA RODA DI NEGARA INI.

LAGIPUN PERUSAHAAN KENDERAAN DUA RODA TERHAD KEPADA EMPAT JENIS DENGAN 16 MODEL, SEBANYAK 113,900 UNIT DIPASANG TAHUN LEPAS DAN MENGUASAI LEBIH DARI 90 PERATUS DARI PASARAN DALAM NEGERI.

BELIAU BERKATA BARANG GANTIAN YANG DIGUNAKAN DALAM PEMASANGAN MOTOSIKAL TIDAKLAH PERLU DIBUAT SECARA KETAT DALAM PERINGKAT—PERINGKAT YANG DITENTUKAN.

+DI MANA PRAKTIK DAN BERFAEDAH, SESUATU BARANG BOLEH DIMASUKKAN KE PERINGKAT BERIKUTNYA DENGAN SYARAT DI AKHIR

PERINGKAT ITU, PERATUS YANG DIKEHENDAKI DICAPAI, + KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA BARANG GANTIAN YANG DISENARAIKAN ADALAH YANG DIKENALI SETAKAT INI DAN SEKTOR SWASTA BOLEH MENAMBAH KEPADA SENARAI ITU BARANG YANG BOLEH DIMAJU DAN DIKELUARKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN KERAJAAN AKAN MENGENAKAN DENDA KEATAS PIHAK PEMASANG YANG TIDAK MEMATUHI DASAR ITU DENGAN CARA MENGURANGKAN HARGA BERSIH JUALAN SESUATU MODEL YANG DIPASANG.

—BERSAMBUNG 1807/AH

MAHATHIR - MOTOSIKAL 3 KUALA LUMPUR

SEBALIKNYA, HARGA DI KILANG BARANG GANTIAN TEMPATAN TIDAK HARUS MELEBIHI 20 PERATUS DARI HARGA BARANG YANG DIIMPORT SEPERTI BARANG PASANG-SIAP YANG TERKANDUNG DALAM SENARAI YANG DIKEMUKAKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PEMASANG KENDERAAN DARI MASA KE SEMASA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KENAIKAN HARGA BARANG GANTIAN BOLEH DIPERTIMBANGKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SATU PERSATU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BARANG GANTIAN YANG DITERIMA SEBAGAI BARANG DALAM NEGERI HENDAKLAH MEMPUNYAI SYARAT-SYARAT BERIKUT: + PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN SESUATU KOMPONEN ITU TERMASUK NILAINYA HENDAKLAH TIDAK KURANG DARI 50 PERATUS:

+ HARGA DI KILANG SESUATU KOMPONEN TIDAK HARUS LEBIH DARI 20 PERATUS HARGA KOMPONEN YANG DIIMPORT:

+ EKSPORT KOMPONEN TEMPATAN YANG DILULUSKAN DALAM PERATUS PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN HENDAKLAH BERDASARKAN HASIL BERSIH TUKARAN ASING, TERTAKLUK KEPADA MAKSIMA SEBANYAK 50 PERATUS DARIPADA PERATUS YANG DITETAPKAN BAGI TEMPOH BERKENAAN: DAN

+ EKSPORT KOMPONEN TEMPATAN YANG DILULUSKAN BAGI PERATUS PENGGUNAAN TEMPATN BOLEH DIBENARKAN KEPADA PIHAK PEMASANG DI PASARAN TEMPATAN. —BERSAMBUNG 1822/AH

MAHATHIR - MOTOSIKAL 4 KUALA LUMPUR

89

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN MAHU LEBIH BANYAK KOMPONEN MOTOSIKAL DAN BARANG GANTIAN DIKELUARKAN OLEH LEBIH BANYAK PENGELUAR SUPAYA DAPAT DIBEKALKAN KEPADA PEMASANG MOTOSIKAL.

KATA BELIAU, DENDA YANG DICADANGKAN BAGI SETIAP KENDERAAN AKAN BERDASARKAN KEPADA SEJAUH MANA PEMATUHAN SASARAN YANG DITETAPKAN BAGI SEUATU PERINGKAT.

+DENDA BOLEH DIKIRA SECARA TAHUNAN DI AKHIR TIAP-TIAP PERINGKAT.

+BAGI PIHAK PEMASANG YANG MELEBIHI KADAR PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN DALAM TEMPOH TERSEBUT, LEBIHAN ITU BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENAMPUNG MODEL-MODEL TERTENTU (DARI JENIS YANG SAMA) YANG MUNGKIN TIDAK DIPENUHI. + KATA BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN SEKIRANYA PENALTI ITU TIDAK MEMBERI KESAN, KERAJAAN BERHAK MENGENAKAN LANGKAH LANGKAH YANG LEBIH BERKESAN.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MENYATAKAN KERAJAAN BERPENDAPAT PERINGKAT PERTAMA SEBANYAK 15 PERATUS PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN MENJELANG TAHUN 1981 SEPATUTNYA MUDAH DICAPAI OLEH KERANA PERUSAHAAN KENDERAAN DUA RODA SEKARANG INI TELAH PUN MENGGUNAKAN KIRA-KIRA 10 PERATUS DARI KOMPONEN TEMPATAN DALAM BENTUK TAYAR, TIUB DAN SEBAGAINYA. - BERSAMBUNG 1835/BW

B596

MAHATHIR - MOTOSIKAL 5 KUALA LUMPUR

BAGI BARANG-BARANG DALAM PERINGKAT KEDUA DAN KETIGA TELAH ADA PENGELUAR DAN PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN TETAPI MASIH BELUM DILAKSANAKAN ATAU DALAM BERBAGAI PERINGKAT PELAKSANAAN.

BEBERAPA BARANG YANG DISENARAIKAN DALAM PERINGKAT KEEMPAT TELAH JUGA DILULUSKAN UNTUK DIKELUARKAN DI DALAM NEGERI, KATANYA. - BERNAMA 1840/BW